KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	21/11/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	TNB			

Warga TNB bersatu hati kongsi rezeki agih bantuan

"Pandemik yang berlarutan membawa kesan berpanjangan. Ada banyak kisah duka di luar sana. Warga kerja yang terbabit mengurus pengagihan tabung ini dapat melihat betapa hebat penderitaan"



Baharin Din, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB

Tabung prihatin sumbangan 14,500 pekerja bantu golongan terkesan COVID-19

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lebih 6,100 keluarga dan individu yang terkesan dengan pandemik COVID-19 di seluruh pelosok Semenanjung, disantuni warga kerja TNB dengan mengagihkan sumbangan lebih RM3.35 juta mulai Jun lalu.

Ia adalah daripada Tabung Warga TNB Prihatin (WTP) yang disumbangkan oleh lebih 14,500 warga kerja melalui potongan gaji, sekali gus menterjemahkan hasrat mereka untuk berkongsi rezeki dengan rakyat, lebih-lebih lagi dalam waktu sukar ini.

Usaha ini juga mencerminkan kesatuan hati dalam kepelbagaian lapisan keluarga utiliti itu apabila inisiatif ini diputuskan bersama oleh Pengurusan Tertingginya dengan kepimpinan kesatuan dan persatuan dalaman Tenaga Nasional Bhd (TNB) yang memayungi seluruh warga kerja.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din, berkata penyerahan bantuan tabung WTP kepada rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 di seluruh Semenanjung bermula pada 20 Jun dan disalurkan kepada penerima pelbagai bangsa.

Katanya, penerima dikenal pasti berdasarkan senarai golongan B40 membabitkan orang kurang upaya (OKU), e-Kasih, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita & Masyarakat, Pusat Zakat Negeri dan maklum balas warga kerja TNB sendiri.

"Pandemik yang berlarutan membawa kesan yang berpanjangan. Ada banyak kisah duka di luar sana...warga kerja yang terbabit mengurus pengagihan tabung ini dapat melihat betapa hebat penderitaan mereka," katanya.

Justeru, tabung yang dilancarkan pada 9 Jun lalu itu dan ditutup pada 15 Julai, diteruskan hingga Disember untuk memberi peluang kepada warga kerja TNB untuk terus menzahirkan kesyukuran dengan meneruskan amalan bersedekah yang bukannya mengurangkan, bahkan menyuburkan rezeki.

Sesungguhnya, warga TNB juga berpegang pada prinsip 'yang ada perlu membantu kepada yang tiada dan di sebalik setiap rezeki ada hak insan lain'.

Sambutan baik warga kerja TNB menjayakan tabung itu adalah manifestasi nilai murni Budaya TNB iaitu, prihatin, kerjasama, mengutamakan pelanggan, integriti, profesionalisme dan berwawasan; yang amat penting dalam usaha menyeluruh syarikat utiliti itu membantu kerajaan menjayakan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

"Dalam menyokong usaha PPN, TNB menumpukan empat aspek iaitu menyelamatkan nyawa; melindungi golongan rentan; menyediakan bekalan elektrik yang stabil dan memacu pemulihan ekonomi," kata Baharin.

Nilai yang ditonjolkan oleh Tabung Warga TNB Prihatin ini turut diterjemahkan melalui inisiatif menghulurkan bantuan kepada masyarakat di kejiranan, antaranya dengan menyediakan gerobok rezeki dan bank makanan oleh warga kerja di negeri dan stesen.

Mereka juga, pelbagai cawangan persatuan dan kelab dalam TNB, antaranya Persatuan Kebajikan Pekerja Islam TNB, Persatuan Wanita TNB (PELITAWANIS TNB) dan Kelab Kilat TNB turut menyumbang bungkusan makanan kepada yang memerlukan.

Dalam perkembangan berkaitan, TNB turut menghulurkan pelbagai bentuk bantuan kepada lebih 10,000 golongan B40 dengan peruntukan hampir RM9.5 juta termasuk membiayai pembinaan semula dan membaiki rumah, pengagihan bekalan makanan dan keperluan asas serta wang saku sejak awal tahun ini.



Tabung Warga TNB Prihatin yang disumbangkan melalui potongan gaji, menterjemahkan hasrat untuk berkongsi rezeki dengan rakyat.



Penerima Tabung Warga TNB Prihatin bersyukur bantuan dapat mengurangkan sedikit sebanyak beban mereka.